



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI INTRINSIK, PENGLIBATAN IBU BAPA
DAN KOMPETENSI PENSYARAH DENGAN KEMAHIRAN
KEBOLEHPASARAN PELAJAR SENI KULINARI KOLEJ VOKASIONAL**

HANIS BINTI MOHAMED

FPP 2020 22



**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI INTRINSIK, PENGLIBATAN IBU
BAPA DAN KOMPETENSI PENSYARAH DENGAN KEMAHIRAN
KEBOLEHPASARAN PELAJAR SENI KULINARI KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

HANIS BINTI MOHAMED

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI INTRINSIK, PENGLIBATAN IBU BAPA DAN KOMPETENSI PENSYARAH DENGAN KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR SENI KULINARI KOLEJ VOKASIONAL

Oleh

HANIS BINTI MOHAMED

Januari 2020

Pengerusi : Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran kebolehpasaran merupakan kemahiran yang menjadi pilihan majikan di industri selain daripada kemahiran teknikal yang dimiliki graduan di sesebuah institusi pendidikan awam mahupun swasta. Industri hospitaliti tidak terkecuali daripada menerima rungutan majikan yang kurang berpuashati dengan pemerolehan kemahiran kebolehpasaran graduan seni kulinari. Graduan seni kulinari dikatakan mempunyai jumlah kompetensi kemahiran kebolehpasaran yang rendah. Masalah majikan mendapatkan tenaga kerja yang berkemahiran kebolehpasaran sering kali dikaitkan dengan isu pengangguran yang berlaku secara global. Sehubungan itu, kajian berbentuk korelasi ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran kebolehpasaran pelajar semester akhir program diploma vokasional Malaysia (DVM) Seni Kulinari Kolej Vokasional yang akan menjalani *On Job Training* dan memasuki dunia pekerjaan sebenar. Selain itu, kajian juga ingin melihat tahap motivasi intrinsik pelajar, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah daripada persepsi pelajar dan hubungannya dengan kemahiran kebolehpasaran. Kajian ini dijalankan di 16 buah kolej vokasional yang menawarkan program seni kulinari dan melibatkan seramai 222 orang pelajar tahun akhir Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Sampel kajian dipilih secara rawak strata berkadar dan rawak mudah. Instrumen kajian mengandungi lima bahagian iaitu: a) demografi pelajar b) motivasi intrinsik c) penglibatan ibu bapa d) kompetensi pensyarah dan e) elemen kemahiran kebolehpasaran. Kajian korelasi ini menggunakan borang soal selidik berskala Likert manakala data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social sciences* (SPSS 25.0 for windows) untuk melihat kekerapan, peratusan, min, korelasi pearson dan regrasi.

Hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran kebolehpasaran pelajar berada pada tahap yang sederhana. Wujudnya hubungan yang positif antara motivasi intrinsik,

penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran. Semua pemboleh ubah dalam kajian ini juga merupakan peramal signifikan kepada tahap kemahiran kebolehpasaran di mana kompetensi pensyarah merupakan peramal terbesar. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tahap penguasaan kemahiran kebolehpasaran pelajar program seni kulinari kolej vokasional dan dijadikan rujukan kepada Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal & Vokasional dalam usaha merangka kurikulum yang terbaik untuk pelajar-pelajar kolej vokasional. Pelajar kolej vokasional perlu didedahkan dengan kemahiran kebolehpasaran yang sangat dititikberatkan oleh majikan dalam pemilihan pekerja untuk memastikan graduan kolej vokasional mudah diterima bekerja dan mampu mengekalkan pekerjaan dalam tempoh yang lama. Pensyarah berperanan untuk mengintegrasikan kemahiran kebolehpasaran dalam proses pembelajaran secara efisien



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN INTRINSIC MOTIVATION, PARENT INVOLVEMENT AND LECTURER COMPETENCY WITH THE EMPLOYABILITY SKILLS OF CULINARY ARTS STUDENTS OF VOCATIONAL COLLEGE IN PENINSULAR MALAYSIA

By

HANIS MOHAMED

January 2020

Chairman : Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD
Faculty : Educational Studies

Employability skills are the skills chosen by employers in the industry other than the technical skills possessed by the graduate of public or private educational institution. The hospitality industry is not exempt from receiving complaints of unsatisfied employers by acquiring employability skills of culinary graduates. Graduates of culinary arts are said to have low proficiency skills in marketability. The problem of employers finding an employable employee is often linked to the global unemployment issue. In this regard, the purpose of this study is to identify the level of employability skills of final semester students of Malaysian Vocational Diploma (DVM) in culinary arts program in Peninsular Malaysia who will undergo on job training and enter the real working world. In addition, this study observes students' intrinsic motivation level, parent involvement and lecturer competency from student perceptions and their relationship to employability skills. This study was conducted at 16 vocational colleges offering culinary arts program involving 198 final year students of the Malaysian Vocational Diploma (DVM). The study sample was randomly selected by proportional random strata and simple random. This study employed instrument comprising with five sections namely: a) student demographics b) intrinsic motivation c) parent involvement d) lecturer competency and e) elements of employability skills. This correlation study used a Likert-scale questionnaire while data were collected and analysed using Statistical Package for the Social sciences software (SPSS 25.0 for Windows) to observe the frequency, percentage, mean, Pearson correlation and regression.

The results demonstrated that the students' employability skills were at a moderate level. There was a positive relationship between intrinsic motivation, parent involvement and lecturer competency and employability skills. All of the variables

in this study were identified as significant predictors for level of employability skills where lecturer competency was the greatest predictor.

This study is expected to provide an accurate picture on the mastery level of employability skills among the culinary arts program students in vocational college and serve as a reference to the Technical and Vocational Education Division in an effort to design the best curriculum for vocational college students. Vocational college students need to be exposed to employability skills that are highly emphasised by employers in selecting employees to ensure that vocational college graduates can be easily accepted to work and able to maintain their jobs for a long time. Meanwhile, lecturers recommended to play a role in integrating employability skills in the learning process efficiently.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Alhamdulillah saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya dapatlah saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Dr Hazwan Bin Mohd Puad selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran, panduan dan nasihat yang diberikan dengan penuh dedikasi. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Madya Dr Abdullah bin Mat Rashid selaku ahli jawatankuasa penyeliaan atas kerjasama yang diberikan dengan tujuan memberikan bimbingan dan teguran yang sangat memberikan manfaat kepada penulisan saya.

Setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa pengajian saya iaitu Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, Pengarah-pengarah Kolej Vokasional, Ketua-ketua Jabatan Hospitaliti KV, Ketua-ketua Program Seni Kulineri KV dan juga responden yang terlibat. Tidak dilupakan juga kepada semua kakitangan pejabat pengajian siswazah Fakulti Pengajian Pendidikan, Pusat Sumber Fakulti Pengajian Pendidikan dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Penghargaan yang tidak terhingga dan sangat istimewa saya berikan kepada kedua ibu bapa Hj Mohamed Bin Pasidin dan Hj Piah Binti Hj Rajikan yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Kepada suami yang sentiasa memberi semangat dan menceritakan suasana Mohd Azly bin Mohammad Yunus, buat anak gadis tercinta Nurathirah agar terus bersemangat menuntut ilmu dan menjadikan usaha mama ini sebagai kekuatan untuk kamu contohi. Tidak lupa juga kepada adik beradik yang menyokong dan mendoakan kejayaan saya. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama melalui pengalaman yang berharga ini dengan jujur dan ikhlas. Mudah-mudahan ilmu yang dicari ini dapat saya manfaatkan dan sumbangkan kepada masyarakat.

Amin Ya Rabbal'Alamin

Tesis ini telah dikemukakan pada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdullah Mat Rashid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini belum pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi yang lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah dihantar untuk diimbangi dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Hanis Mohamed, GS49893

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyeliaan dan penyelidikan tesis in adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan seperti yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: : Dr. Mohd Hazwan Mohd Puad

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: : Profesor Madya Dr Abdullah Mat Rashid

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	xiv
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.4.1 Objektif Umum	12
	1.4.2 Objektif Khusus	12
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Kepentingan Kajian	13
	1.6.1 Pelajar Diploma Seni Kulinari	13
	1.6.2 Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	14
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	14
	1.7.1 Skop Kajian	14
	1.7.2 Batasan Kajian	14
	1.8 Definisi Istilah	14
	1.8.1 Kemahiran Kebolehpasaran	14
	1.8.2 Motivasi Intrinsik	15
	1.8.3 Penglibatan Ibu Bapa	15
	1.8.4 Kompetensi Pensyarah	15
	1.9 Rumusan	16
2	SOROTAN LITERATUR	17
	2.1 Pengenalan	17
	2.2 Diploma Vokasional Malaysia, Kolej Vokasional	17
	2.3 Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional	19
	2.4 Kemahiran Kebolehpasaran	20
	2.5 Kajian-kajian lepas	22
	2.5.1 Tahap kemahiran kebolehpasaran, motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah	22
	2.5.1.1 Tahap Kemahiran Kebolehpasaran	22
	2.5.1.2 Tahap Motivasi Intrinsik	23

2.5.1.3	Tahap Penglibatan Ibu Bapa	24
2.5.1.4	Tahap Kompetensi Pensyarah	24
2.5.2	Hubungan antara motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran	26
2.5.2.1	Hubungan antara motivasi intrinsik dengan kemahiran kebolehpasaran	26
2.5.2.2	Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran kebolehpasaran	27
2.5.2.3	Hubungan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran	28
2.5.3	Faktor yang menyumbang terhadap kemahiran kebolehpasaran	29
2.6	Kemahiran Kebolehpasaran Berdasarkan Persepsi Pelajar, Majikan dan Pensyarah	29
2.6.1	Teori Modal Insan	31
2.6.2	Model United States Secretary of labour Commision on achieving Necessary Skill (SCANS)	32
2.7	Motivasi Intrinsik	35
2.8	Penglibatan Ibu Bapa	38
2.9	Kompetensi Pensyarah	40
2.10	Kerangka Teoritikal Kajian	44
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	45
2.12	Rumusan	46
3	METODOLOGI KAJIAN	47
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	47
3.4	Instrumen Kajian	52
3.4.1	Bahagian A : Demografi Pelajar	52
3.4.2	Bahagian B : Motivasi Instrinsik	52
3.4.3	Bahagian C : Penglibatan Ibu Bapa	53
3.4.4	Bahagian D : Kompetensi Pensyarah	53
3.4.5	Bahagian E : Kemahiran Kebolehpasaran	53
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	54
3.6	Kajian Rintis	55
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	55
3.8	Analisis Data	57
3.8.1	Analisis Penerokaan Data (APD)	57
3.8.1.1	Ujian Kepencongan (Skewness) dan Kurtosis	57
3.8.1.2	Boxplot	58
3.8.1.3	Histogram	58
3.8.1.4	Normal Probability Plots (Q-Q Plots)	58
3.8.2	Statistik Deskriptif	58
3.8.3	Statistik Inferensi	61
3.9	Rumusan	62

4	DAPATAN KAJIAN	63
4.1	Pengenalan	63
4.2	Demografi responden	63
4.3	Dapatan Objektif Kajian 1	65
4.3.1	Tahap Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar Berdasarkan Konstruk	66
4.3.1.1	Tahap Kemahiran Asas	66
4.3.1.2	Kemahiran berfikir	67
4.3.1.3	Kemahiran Sumber Daya	68
4.3.1.4	Kemahiran Informasional	69
4.3.1.5	Kemahiran Interpersonal	70
4.3.1.6	Kemahiran Sistem Dan Teknologi	71
4.3.1.7	Kemahiran Personal	72
4.3.1.8	Tahap Kemahiran Kebolehpasaran	73
4.3.2	Tahap Motivasi Intrinsik Pelajar	74
4.3.3	Tahap Penglibatan Ibu Bapa	76
4.3.4	Tahap Kompetensi Pensyarah	77
4.4	Dapatan Objektif Kajian 2	80
4.5	Dapatan Objektif Kajian 3	81
4.6	Rumusan	82
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	83
5.1	Pengenalan	83
5.2	Perbincangan Kajian	83
5.2.1	Tahap Kemahiran Kebolehpasaran	83
5.2.2	Tahap Motivasi Intrinsik	85
5.2.3	Tahap Penglibatan Ibu Bapa	87
5.3	Tahap Kompetensi Pensyarah	89
5.3.1	Hubungan Faktor Peramal	91
5.3.1.1	Hubungan antara motivasi intrinsik dengan kemahiran kebolehpasaran pelajar semester akhir Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional Semenanjung Malaysia	91
5.3.1.2	Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran kebolehpasaran pelajar semester akhir Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional Semenanjung Malaysia	93
5.3.1.3	Hubungan antara kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran pelajar Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional Semenanjung Malaysia	96
5.3.2	Mengenalpasti faktor peramal yang menyumbang kepada kemahiran kebolehpasaran pelajar Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional Semenanjung Malaysia	97
5.4	Kesimpulan kajian	98
5.5	Implikasi Kajian	99

5.6 Cadangan Kepada Penyelidikan Lanjutan

100

RUJUKAN

102

LAMPIRAN

127

BIODATA PELAJAR

156

PENERBITAN

157



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Istilah kemahiran kebolehpasaran mengikut negara	21
3.1 Taburan Pelajar Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional Mengikut Zon di Semenanjung Malaysia	48
3.2 Bilangan Sampel Mengikut Perkadaran Mengikut Zon	50
3.3 Taburan Sampel Setiap Kolej Vokasional mengikut Zon	51
3.4 Taburan Item Soal Selidik Kajian	54
3.5 Nilai Pekali <i>Alpha Cronbach</i> Kajian rintis	55
3.6 Prosedur Pengumpulan Data Kajian	56
3.7 Nilai kepencongan (Skewness) dan Kurtosis bagi pemboleh ubah (N=198)	58
3.8 Prosedur pengiraan tahap pemboleh ubah	59
3.9 Interpretasi Skor Min Kemahiran Kebolehpasaran	60
3.10 Interpretasi Skor Min Motivasi Intrinsik	60
3.11 Interpretasi Skor Min Penglibatan Ibu Bapa	60
3.12 Interpretasi Skor Min Kompetensi Pensyarah	61
3.13 Pekali Kolerasi Pearson	61
3.14 Analisis Statistik Kajian	62
4.1 Demografi Responden (N=198)	65
4.2 Tahap Kemahiran Asas Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	67
4.3 Tahap Kemahiran Berfikir Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	68
4.4 Tahap Kemahiran Sumber Daya Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	69
4.5 Tahap Kemahiran Informasional Berdasarkan Responden Pelajar (N=198)	70
4.6 Tahap kemahiran interpersonal berdasarkan persepsi responden (N=198)	71

4.7	Tahap Kemahiran Sistem Dan Teknologi Berdasarkan Responden Pelajar (N=198)	72
4.8	Tahap Kemahiran Personel Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	73
4.9	Tahap Kemahiran Kebolehpasaran Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	74
4.10	Tahap Motivasi Intrinsik Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	75
4.11	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Persepsi Responden (N=198)	76
4.12	Tahap kompetensi pensyarah berdasarkan persepsi responden (N=198)	79
4.13	Ujian Kolerasi Pearson bagi hubungan motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional	81
4.14	Analisis Regresi Pelbagai Untuk Penentu Faktor Peramal Kemahiran Kebolehpasaran (N=198)	82

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	45
2.2 Kerangka Kajian	46
3.1 Tahap kuartil	59



SENARAI SINGKATAN

PLTV	Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional
BPLTV	Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
OJT	On Job Training
PTA	Projek Tahun Akhir
CA	Core Abilities
SCANS	Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
MQA	Malaysian Qualifications Agency
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKM	Institut Kemahiran Malaysia
ILO	International Labour Organization
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
DOSM	Department of Statistics Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
MTUN	Malaysian Technical University Network

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kepesatan pembangunan sesebuah negara belum dapat menjanjikan peluang pekerjaan kepada semua graduan. Natiujahnya akan berlaku pengangguran dalam kalangan graduan yang berlatar belakangkan pendidikan yang berbeza. Kurangnya kemahiran kebolehpasaran telah dikenalpasti sebagai salah satu punca berlakunya lambakan graduan yang tidak bekerja kerana mereka tidak dapat bersaing dalam pasaran kerja sebagaimana yang diharapkan oleh industri. Pendekatan Malaysia untuk menghasilkan graduan yang berkemahiran kebolehpasaran di dalam pasaran kerja yang mempunyai persaingan tinggi merupakan satu usaha positif ke arah mencapai status negara maju di abad ke-21. Graduan merupakan tenaga kerja yang diharapkan mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang yang diceburinya serta bersikap positif agar berupaya mengharungi perubahan yang berlaku di tempat kerja dan mengikut arus perubahan teknologi.

Sehubungan itu, bab satu ini akan membincangkan berkenaan pemboleh ubah bersandar kajian iaitu kemahiran kebolehpasaran dengan pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah. Bab ini juga akan menghuraikan dan membincangkan secara jelas latar belakang kajian dan menjurus kepada perbincangan berkenaan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kewujudan institusi pendidikan pada masa ini bukan lagi sekadar menjadi gedung ilmu kepada modal insan untuk mencari pengetahuan, malahan mampu meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan melalui kurikulum yang dirancang kepada pelajar. Pendidikan dan kemahiran merupakan gabungan penting ke arah pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi yang mampan. Graduan berkemahiran merupakan modal insan yang mampu merubah landskap negara menjadi lebih produktif dalam aspek peningkatan taraf hidup serta perpaduan sosial yang lebih baik (Catherine Ramos, 2016). Selain kemahiran teknikal, graduan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran kebolehpasaran untuk melayakkan mereka diterima bekerja (Nazri & Nasruddin, 2014). Majikan mengharapangkan modal insan berkualiti berada dalam organisasi mereka sebagai langkah menghadapi cabaran dan persaingan global pada abad ke-21 (Suhaili Hanafi, 2015).

Seiring dengan ledakan teknologi abad ke-21, Malaysia terus giat melakukan pelbagai usaha dan alternatif untuk meningkatkan kualiti modal insannya (Ahmad

Esa, Asri Selamat, Suhaili Padil & Jaslina Jamaludin, 2013). Setiap tahun kerajaan akan memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk meningkatkan mutu pendidikan negara. Usaha murni kerajaan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada semua masyarakat mendapat peluang pendidikan sehingga ke peringkat tertiar dan mampu menjadi pekerja yang mempunyai minda kelas pertama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Namun begitu, penambahan dalam bilangan pelajar berpendidikan tinggi masih belum dapat memenuhi keperluan pasaran kerja sehingga menimbulkan isu pengangguran dalam kalangan graduan. Masalah pengangguran dan kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan masih menjadi isu global yang dihadapi oleh semua negara maju mahupun negara membangun. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh OECD (2019) dicatatkan kadar pengangguran graduan mengikut beberapa negara seperti Australia (7.08%), Kanada (9.86%), dan Jerman (9.17%). Di Malaysia, Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), (2019) turut melaporkan, bahawa kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun di seluruh dunia adalah sebanyak 12.8 peratus.

Manakala, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), mendapati kadar pengangguran di Malaysia masih kekal kepada 3.3 peratus semenjak September 2018 iaitu sebanyak 515600 orang. Seterusnya, di dalam laporan Tinjauan Ekonomi Kementerian Kewangan (2019), dinyatakan bahawa graduan bumiputera merekodkan kadar pengangguran yang tinggi pada tahun 2017 iaitu sebanyak 4.6 peratus berbanding dengan belia berpendidikan rendah berdasarkan Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2017.

Ironiknya, pelbagai pihak menuding jari kepada institusi pendidikan sebagai pihak yang bertanggungjawab dengan isu pengangguran ini. Institusi pendidikan dikatakan gagal untuk melahirkan graduan yang memenuhi kriteria yang dikehendaki majikan di industri (Career Builder, 2018; Hazrul Ismail, 2012). Majikan mengharapkan mereka dapat menggajikan pekerja yang mempunyai kemahiran kebolehpasaran selain daripada kemahiran teknikal (Mohd Hazwan, 2015). Akan tetapi, majikan mendakwa mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerja yang memiliki berkemahiran kebolehpasaran yang sesuai dengan keperluan mereka di industri, manakala graduan beranggapan mereka telah menguasai kemahiran kebolehpasaran dan mencukupi dengan bidang pekerjaan yang dipohon (Erni Tanius, 2018; Hanum, Razli & Azuddin, 2016). Perbezaan inilah yang telah membentuk satu jurang kemahiran yang akhirnya menjurus kepada masalah pengangguran kepada graduan (Ramos, 2016).

Realitinya, gred yang baik belum menjamin seseorang graduan diterima bekerja dalam sesebuah organisasi jika tidak diimbangi dengan kemahiran kebolehpasaran (Audu Rufai, 2014). Graduan perlu mempunyai kemahiran kebolehpasaran yang tinggi seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dan keusahawanan selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang (Hanum, Razli dan Azuddin, 2016). Selain itu, kemahiran kebolehpasaran juga meliputi kemahiran

berkomunikasi, pengurusan maklumat, pengurusan diri, etika dan moral profesional, kepimpinan dan keusahawanan kemahiran interpersonal, kualiti peribadi, keperibadian, berkeyakinan dan berpenampilan diri kemas dan menarik (Hossain et al., 2018; Normala Rahmat, Yahya Buntat & Abdul Rahman Ayub, 2018; Mohd Yusof Husain, Mohamad Sattar Rasul, Ramlee Mustapha, Syed A. Malik & Rose Amnah Abd Rauf, 2013 & Zaliza, 2015).

Manakala Parasuraman dan Prasad (2015) berpendapat kemahiran kebolehpasaran terdiri daripada kemahiran koporat, kemahiran teknikal, dan kemahiran mencari pekerjaan. Seterusnya University of Sydney Careers Centre (2010) turut menggariskan beberapa ciri kemahiran kebolehpasaran seperti mempunyai misi dan matlamat peribadi, mampu menilai dan mengawasi prestasi diri sendiri, beretika dalam pekerjaan, berdaya tahan serta mampu bekerja di bawah tekanan sebagai set kemahiran kebolehpasaran yang perlu ditonjolkan oleh setiap pekerja.

Kemahiran kebolehpasaran menurut Cole dan Tibby, (2013) adalah kemahiran yang mampu menyokong pelajar untuk membangunkan pelbagai pengetahuan, kemahiran, tingkah laku, sifat dan sikap peribadi yang selari dengan keperluan pekerjaan. Sementara itu, Yorke dan Knight (2004) menyatakan kemahiran kebolehpasaran merupakan satu set pencapaian, kemahiran, pemahaman dan sifat peribadi yang menjadikan graduan lebih cenderung mendapatkan pekerjaan dan berjaya dalam pekerjaan yang dipilih sekali gus dapat memberikan manfaat kepada ekonomi, masyarakat dan graduan sendiri. Oleh itu, dalam mengharungi pasaran kerja yang kompetitif masa kini, graduan perlu peka akan kepentingan kemahiran kebolehpasaran sebagai jaminan untuk diterima bekerja dan mengekalkan pekerjaan tersebut. Graduan yang memiliki kemahiran kebolehpasaran merupakan aset negara yang mampu memberikan impak besar kepada majikan dan membantu negara memacu ekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

Rentetan itu, tumpuan dan usaha kerajaan kepada pelaburan modal insan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) selaras dengan matlamat Model Ekonomi Baru (MEB) untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah menggariskan beberapa strategi dalam mendepani isu pengangguran dalam kalangan belia dan kadar guna tenaga graduan yang rendah dalam Tonggak Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Antaranya ialah meningkatkan kualiti pendidikan, mengutamakan kualiti berbanding kuantiti dalam Pendidikan Teknikal Vokasional dan Latihan (PLTV) serta menambah baik pendidikan untuk semua rakyat. Dengan itu, PLTV akan diberikan tumpuan khusus dalam usaha melahirkan graduan yang mampu memenuhi keperluan industri di pelbagai sektor yang sedang dibangunkan (Abd. Razak, 2015).

Pendidikan Teknikal Vokasional dan Latihan (TVET) berperanan untuk memberikan pendidikan dan latihan kemahiran yang menjurus kepada keperluan industri dan pasaran kerja. Matlamat utama TVET adalah untuk melengkapkan individu dengan kemahiran yang bersesuaian dengan bidang pekerjaan dan menepati kehendak

majikan. United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization (UNESCO), mendefinisikan TVET sebagai pendidikan berbentuk teknikal dan vokasional, di samping pendidikan umum, yang meliputi mata pelajaran sains dan teknologi serta penguasaan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman dan pengetahuan yang berkaitan pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi. Menurut Mohd Jalil, Noor Hisham dan Annas (2015), TVET berperanan sebagai laluan untuk memproses dan menghasilkan tenaga mahir serta bertindak sebagai enjin pembangunan negara. Ini bermaksud Pendidikan (TVET) telah menjadi laluan penting dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi dan mampu bersaing di peringkat global.

Menyedari tentang kepentingan pembangunan modal insan kepada pembangunan ekonomi global yang kompetitif, kerajaan berusaha meningkatkan keupayaan institusi TVET agar dapat terus bersaing dengan beberapa negara maju yang lain. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional yang berfungsi mencungkil bakat dan mengembangkan potensi pelajar dalam bidang vokasional sebagai salah satu aspirasi sistem PPPM untuk mendapatkan pendidikan berkualiti. Oleh itu, melalui Transformasi Pendidikan Vokasional, pendidikan vokasional telah diarusperdanakan dengan menaik taraf sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional (KV) dengan tujuan mempercepatkan proses menyediakan tenaga kerja berkemahiran yang mempunyai ciri-ciri kebolehpasaran yang tinggi, nilai-nilai insaniah di samping kemahiran vokasional (KPM, 2011).

Oleh hal yang sedemikian, penubuhan kolej vokasional (KV) merupakan satu langkah positif dalam merubah corak pendidikan negara ke arah melahirkan modal insan bertaraf dunia dan menuju negara berpendapatan tinggi. Hala tuju penubuhan kolej vokasional (KV) adalah untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan menepati kehendak industri, mempunyai ciri-ciri sebagai seorang usahawan, berupaya memupuk watak profesional dalam diri, menjiwai pembelajaran sepanjang hayat dan berusaha untuk meningkatkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, kementerian pendidikan telah mengambil kira keperluan industri dalam mereka bentuk kurikulum KV agar komprehensif dan sepadan dengan jangkaan majikan untuk mendapatkan pekerja yang menguasai kemahiran kebolehpasaran di samping kemahiran vokasional dalam bidang yang diceburi.

Langkah ini perlu berikutan kurangnya input industri dalam mereka bentuk kurikulum TVET, malahan hal ini telah menjadi satu isu dan cabaran dalam memperkasakan pendidikan TVET di Malaysia (Amir Omar, 2017). Dengan itu, diharapkan sasaran kementerian untuk melahirkan 70 peratus graduan KV yang akan bekerja sejurus menamatkan pengajian, 20 peratus graduan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 10 peratus graduan akan menceburi bidang keusahawan dapat dicapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan mandat kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) untuk melaksanakan dasar

transformasi Pendidikan Vokasional. Sehubungan itu, dalam merintis Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional ini, sebanyak 15 buah sekolah menengah vokasional telah dinaik taraf kepada kolej vokasional berkuatkuasa pada tahun 2012 dan sehingga 2019 sebanyak 85 buah KV telah berjaya dilaksanakan di seluruh Malaysia. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) telah menawarkan 36 jenis program pengajian di bawah beberapa jabatan seperti Jabatan seni reka, Jabatan Perniagaan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Teknologi Mekanikal dan Pembuatan, Jabatan Elektrik dan Elektronik, Jabatan Teknologi Awam, Jabatan Pembuatan dan Pemprosesan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Masyarakat dan Jabatan Hospitaliti.

Penawaran bidang hospitaliti di kolej vokasional ini bertepatan dengan keperluan negara yang menjadikan industri hospitaliti sebagai salah satu sumber pendapatan negara. Dilihat daripada sudut ekonomi, industri hospitaliti berada di dalam kelompok bidang pelancongan yang menjadi salah satu daripada sebelas bidang utama yang diberi fokus di dalam NKEA (Program Transformasi Ekonomi, 2010). Sehingga kini industri hospitaliti terus berkembang pesat dengan kemasukan syarikat-syarikat gergasi dunia melabur ke Malaysia melalui aktiviti pelancongan. Justeru itu, perkembangan ini telah membuka banyak peluang pekerjaan di dalam industri hospitaliti negara. Di bawah bidang hospitaliti kolej vokasional terdapat empat program yang ditawarkan iaitu Diploma Seni Kulinari, Diploma Bakeri dan Pastry, Diploma Kosmetologi dan Diploma Pelancongan di seluruh Malaysia.

Sebermula kewujudan kolej vokasional rintis pada tahun 2012, bidang hospitaliti terutamanya bagi Program Seni Kulinari sentiasa mendapat tempat di hati pelajar mahupun ibu bapa. Saban tahun permohonan atas talian bagi Program Seni Kulinari sentiasa mendahului bidang-bidang lain yang ditawarkan (BPTV, 2018). Ini menunjukkan kecenderungan pelajar terhadap bidang Seni Kulinari sangat tinggi walau pun masih terdapat masyarakat yang menganggap pendidikan vokasional berada di tahap pendidikan kelas kedua.

Program Seni Kulinari yang ditawarkan di kolej vokasional pada dasarnya menyediakan kursus-kursus berkaitan dengan industri masakan dan perkhidmatan makanan. Kursus-kursus yang terkandung di dalam kurikulum ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyediakan pelbagai jenis masakan dan minuman dari serata dunia melalui teknik dan kaedah memasak yang diajar secara teoritikal dan “hands-on” di bengkel masakan. Selain itu, pelajar turut didedahkan dengan pelbagai jenis disiplin seperti kajian organisasi, fungsi operasi dan pengurusan industri perhotelan, keselamatan, pengurusan dan operasi restoran, perkhidmatan dan operasi servis makanan dan minuman, pengurusan sistem catering dan kawalan alam sekitar. Kesemua disiplin ilmu yang adalah memenuhi keperluan semasa industri.

Graduan lepasan program seni kulinari KV akan bekerja di bidang perkhidmatan makanan bermula sebagai pembantu tukang masak dan kerjaya tersebut akan berkembang sehingga ke peringkat profesional seperti *Chef de Partie*, *Sous Chef*,

Head Chef, Executive Chef dan sehingga ke jawatan tertinggi berbekalkan kepada pengalaman. Walau bagaimanapun, perkembangan kerjaya dalam industri makanan berkait rapat dengan kecekapan dan kemahiran teknikal dan juga kemahiran kebolehpasaran yang dimiliki mereka. Pelajar yang cemerlang di dalam bidang vokasional masih sukar untuk berada di dalam industri jika mereka tidak mempunyai kemahiran kebolehpasaran. Menurut Alhelalat (2015), graduan bidang hospitaliti perlu menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, kemahiran memimpin, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran teknologi untuk memenuhi keperluan majikan di industri. Walau bagaimanapun, menurut Roseline & Quah (2017), pelajar bidang hospitaliti yang sedang menjalani latihan industri dalam penyediaan perkhidmatan pelanggan di restoran masih kurang menguasai kemahiran berkomunikasi, mempunyai kemahiran personel yang rendah, kurang komitmen bekerja dan lemah dalam kemahiran kerja berpasukan. Hal ini agak membimbangkan pihak industri kerana pelancongan dalam bidang kuliner berpotensi untuk menarik pelancong asing yang menitik beratkan penyediaan kuliner dalam diari lawatan mereka ke sesebuah negara (Shahrim Karim, Chua & Hamdin, 2009).

KV menawarkan pengajian secara sepenuh masa selama empat tahun kepada pelajar lepasan peperiksaan Pentaksiran Tingkatan tiga (PT3) yang berkelayakan. KV ini telah mengguna pakai sistem semester sepanjang pengajian iaitu empat semester di peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan empat semester di peringkat Diploma Kemahiran Malaysia (DVM). BPTV telah mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dalam merangka kurikulum kolej vokasional berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan garis panduan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai syarat penganugerahan diploma vokasional. Pengajian di KV disusun berdasarkan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang memberikan fokus kepada komponen akademik dan vokasional dengan nisbah 70:30 di peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) manakala nisbah di peringkat Diploma Vokasional Malaysia (DVM) ialah 20:80 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi mesyuarat senat kolej vokasional Malaysia, akan menganugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) secara *single tier* dan juga Diploma Vokasional Malaysia (DVM) kepada pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di KV. Pelajar perlu memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh KPM iaitu kepujian di dalam Bahasa Melayu 1104; mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) akademik sekurang-kurangnya 3.33 dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) vokasional sekurang-kurangnya 3.67, serta kompeten dalam semua modul vokasional dan menamatkan *On Job Training* untuk diiktiraf sebagai graduan KV. Melalui *On Job Training* pelajar akan didedahkan dengan persekitaran kerja yang sebenar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan personaliti dan kemahiran kebolehpasaran pelajar seperti yang dikehendaki oleh majikan (Wei Boon Quah & Aziah, 2017).

Pendidikan hospitaliti yang beroreintasikan akademik dan vokasional telah mula bertapak di Malaysia sejak tahun 1967. Sehingga kini bidang hospitaliti terus

berkembang pesat sejajar dengan perkembangan industri hospitaliti dunia. Dilihat daripada sudut ekonomi, industri hospitaliti berada di dalam kelompok bidang pelancongan yang menjadi salah satu daripada sebelas bidang utama yang diberi fokus dalam NKEA (Program Transformasi Ekonomi, 2010). Terdapat beberapa program yang diletak di bawah Jabatan Hospitaliti Kolej Vokasional (KV) antaranya Program Seni Kulinari, Program Pastrri dan Kek, Program Bakeri, Program Pengurusan Hotel dan Resort, Program Pengurusan Pelancongan dan beberapa program yang lain (Agensi kelayakan Malaysia, 2013).

Program Seni Kulinari yang ditawarkan di kolej vokasional (KV) telah menggunakan kurikulum yang berorientasikan industri agar objektif KV untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan keperluan industri dapat dicapai. KV bertanggungjawab memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti dan mampu memenuhi Aspirasi Falsafah Pendidikan Negara iaitu graduan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Oleh itu, KPM telah menyediakan kurikulum kebolehpasaran kepada pelajar KV menerusi modul *Core Abilities* (BPTV, 2017). Modul ini diharapkan dapat menjadi alat membentuk kemahiran kebolehpasaran pelajar. Kemahiran kebolehpasaran merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri seorang pelajar sebelum mereka bersedia untuk bekerja di industri. Majikan mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap kemahiran kebolehpasaran graduan apabila mereka memohon pekerjaan. Walau bagaimanapun majikan menghadapi kesukaran mendapatkan pekerja yang mempunyai kemahiran kebolehpasaran yang selari dengan keperluan industri (Chavan & Surve, 2014).

Masalah kemahiran kebolehpasaran graduan turut dialami dalam industri hospitaliti. Menurut Alhelalat (2015), graduan bidang hospitaliti menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, kemahiran memimpin, kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran teknologi. Manakala kajian Roseline Kok dan Wei Boon Quah (2017) pula menunjukkan pelajar bidang hospitaliti turut menghadapi masalah menguasai kemahiran kebolehpasaran semasa menjalani latihan industri seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran personel, kurang komitmen bekerja dan lemah dalam kemahiran kerja berpasukan. Kajian Yang, Cheung dan Fang (2015) pula menyatakan graduan yang baru sahaja bekerja dalam industri perhotelan di China didapati menghadapi masalah kemahiran kebolehpasaran dari aspek pengurusan diri, inovasi dan kreativiti, mengorganisasi dan menguruskan masa serta menyelesaikan masalah. Lantaran itu, terdapat beberapa faktor yang dilihat dapat memberikan kesan kepada perkembangan individu dalam aspek pencapaian akademik, pembinaan sahsiah yang baik seterusnya kepada pemerolehan kemahiran kebolehpasaran pelajar. Selain sikap dan tingkah laku pelajar, faktor persekitaran seperti ibu bapa, institusi pendidikan dan pensyarah turut menjadi elemen yang dikenal pasti memberi pengaruh kepada pencapaian tersebut (Mok, 2008).

Faktor sendiri dan motivasi adalah penghubung kepada faktor persekitaran dan faktor sosial kepada penguasaan kemahiran kebolehpasaran (Knight & Yorke, 2002). Dalam aspek pemerolehan kemahiran kebolehpasaran, motivasi mempunyai

hubungan yang signifikan dengan tahap kemahiran kebolehpasaran pelajar (John & Caroline, 2009; Sharifah Kamaliah, 2008). Motivasi intrinsik khususnya, mampu mendorong pelajar bersikap proaktif dan berinisiatif untuk mencari maklumat dari pelbagai sumber yang berkaitan dengan keperluan majikan dan pasaran kerja masa ini sebagai persediaan kerjaya mereka. Tanpa dorongan yang kuat dalam diri untuk berjaya, pelajar tidak akan mempunyai sikap positif ke arah membangunkan ciri-ciri kemahiran kebolehpasaran dalam diri. Menurut kajian Noorah dan Zakiah (2017), 69 peratus pelajar tahun akhir USM dan UUM menyatakan mereka tidak bermotivasi untuk melibatkan diri dengan aktiviti dan kursus di luar bidang pengajian mereka, malahan 14.3 peratus pelajar menyatakan bahawa mereka tidak memerlukan latihan berkenaan kemahiran kebolehpasaran dan cukup sekadar dengan program pengajian yang diikuti oleh mereka.

Sikap yang ditunjukkan pelajar ini akan menyebabkan mereka kurang mendapat pendedahan tentang kepentingan kemahiran kebolehpasaran sedangkan sikap pelajar merupakan faktor tertinggi dalam pemerolehan kemahiran kebolehpasaran (Mohd Yusof Husain et al., 2015). Malahan, kejayaan seorang pelajar dalam pelajaran itu sangat dipengaruhi oleh elemen-elemen penting seperti motivasi yang tinggi, sikap yang positif dan usaha yang berterusan (Siti Sukainah, 2014). Secara ironiknya, tanpa mereka sedari kemahiran kebolehpasaran ini akan membantu mereka untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan yang kompetitif.

Sharifah Kamaliah (2008) pula menyatakan, institusi keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan kemahiran kebolehpasaran dalam diri pelajar. Selain daripada memberikan impak yang positif kepada pencapaian dan perkembangan kerjaya pelajar, penglibatan ibu bapa turut memainkan peranan untuk memupuk kemahiran kebolehpasaran dalam diri pelajar (Anisa Saleha, 2015). Menurut David R. Topor, Susan P. Keane, Terri L. Shelton dan Susan D. Calkins (2010), terdapat dua bentuk penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian anak-anak iaitu sokongan dalam bentuk emosi dan penglibatan mereka ketika di rumah. Manakala penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian anak-anak menurut Epstein, Sanders, Simon, Salinas, Janson & Van Voorhis (2002) dilihat kepada aspek keibubapaan, komunikasi, kesukarelawan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan bekerjasama dengan masyarakat. Anak-anak akan berusaha untuk mencapai kejayaan jika mendapat sokongan berterusan daripada ibu bapa. Menurut Siti Aishah, Ramlah, Rosini & Rahimah (2015), persekitaran kekeluargaan seperti harapan tinggi ibu bapa terhadap kejayaan anak-anak akan memotivasikan anak-anak untuk berusaha dengan lebih gigih bagi mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak mula berkurangan di peringkat sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi (Mazana Ismail, 2001; Mohd Fami, Mohamed Sharif & Roslee, 2008). Hal ini berlaku kerana ibu bapa merasakan pada peringkat remaja, anak-anak mampu menguruskan pelajaran mereka sendiri dan hanya memerlukan perhatian yang minimum daripada ibu bapa.

Seterusnya, pemerolehan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan graduan turut dipengaruhi oleh kompetensi pensyarah. Pensyarah merupakan tunjang utama dalam membentuk modal insan berkemahiran tinggi yang inovatif, kreatif dan berdaya saing selaras dengan keperluan semasa. Pensyarah berkualiti mampu melahirkan pelajar yang berkualiti dari aspek pembinaan sahsiah terpuji dan pencapaian akademik yang cemerlang (Ismail, 2012). Akan tetapi, masih terdapat pensyarah yang menghadapi masalah mengintegrasikan kemahiran kebolehpasaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disebabkan terdapatnya pensyarah yang tidak jelas tentang keperluan kemahiran tersebut sehingga pensyarah sukar menerapkannya dalam pengajaran teknikal (Zaliza, 2015). Pensyarah seni kulinari juga dikatakan hanya memberi fokus kepada kemahiran teori dan amali memasak semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana mereka tidak tahu cara untuk mengintegrasikan kemahiran kebolehpasaran dalam pengajaran mereka. Malahan pensyarah hanya mengharapkan pelajar mendapatkan kemahiran tersebut semasa menjalani latihan industri (Techanamurthy, Alias, & Dewitt, 2015).

Hal ini jelas membimbangkan apabila kajian Azizah (2016) pula mendapati sikap pensyarah bukan opsyen berada pada tahap yang sederhana berkenaan dengan sokongan mereka terhadap transformasi pendidikan vokasional. Oleh itu, menurut laporan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2015), jurang di dalam kompetensi pensyarah ini telah menjadi isu dan cabaran kepada Transformasi Pendidikan Vokasional hingga tercetusnya rancangan jangka panjang untuk mengambil jurulatih berkemahiran tinggi dari pasaran luar menjadi tenaga pengajar di KV (PPPM, 2013-2025).

Penubuhan KV merupakan satu langkah positif dalam merubah corak pendidikan negara ke arah melahirkan modal insan bertaraf dunia dan berminda kelas pertama. Peranan yang dimainkan oleh KV ini selaras dengan hasrat KPM untuk melonjakkan kadar kebolehpasaran graduan menjelang tahun 2025 daripada 75% kepada lebih 80% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Rentetan itu, institusi KV perlu memenuhi aspirasi tersebut untuk melahirkan bakal graduan KV yang kompetitif seiring dengan perubahan teknologi industri dan ekonomi dunia (Kapranos, 2014).

Walau bagaimanapun, aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) untuk meningkatkan kualiti institusi pendidikan, kualiti graduan dan kualiti sistem secara keseluruhannya tidak mudah dicapai jika bakal graduan kolej vokasional tidak dapat memenuhi keperluan majikan dan industri yang berkehendakkan modal insan berkemahiran kebolehpasaran selain daripada kemahiran teknikal. Sehubungan itu, KV perlu berusaha untuk memastikan graduan KV telah menguasai kemahiran kebolehpasaran sebagaimana yang dikehendaki oleh majikan di industri. Kemahiran kebolehpasaran ini dapat membuka peluang yang besar kepada pelajar untuk diterima bekerja dan berada kekal di dalam industri kerana ia merupakan kemahiran bukan teknikal yang sangat dititikberatkan majikan di serata dunia.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengangguran dalam kalangan graduan merupakan satu fenomena global yang mencengkam semua sektor pekerjaan sehingga kini. Malaysia mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 3.3 peratus iaitu seramai 515600 orang sumber tenaga yang belum mendapat pekerjaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Berdasarkan laporan rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berkenaan statistik pengangguran dalam kalangan siswazah pada tahun 2018 menunjukkan kadar peningkatan sebanyak 4.6 peratus daripada tahun 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Manakala, kajian pengesanan graduan daripada institusi pendidikan tinggi mendapati kadar pengangguran yang ditunjukkan adalah sebanyak 20.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 22.7 peratus pada tahun 2016 dan graduan kolej vokasional yang belum bekerja adalah sebanyak 22.4 peratus (Statistik Pendidikan Tinggi, 2018).

Daripada 255,099 orang pelajar yang telah bergraduan di Institusi Pendidikan Tinggi di seluruh negara, 53,373 orang graduan masih belum memperoleh pekerjaan pada tahun 2017. Jumlah ini mewakili 20.9 peratus graduan dari pelbagai bidang seperti bidang sastera dan sains sosial, sains, pengajian teknikal, teknologi maklumat dan komunikasi dan juga pendidikan. Manakala graduan dalam kelompok bidang TVET yang belum memperoleh pekerjaan adalah sebanyak 17.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 19.7 peratus pada tahun 2016 (Statistik Pendidikan Tinggi, 2018). Walaupun peratusan kadar pengangguran graduan TVET menunjukkan penurunan, akan tetapi situasi ini masih menjadi satu kebimbangan yang besar kepada masyarakat dan negara. Graduan sendiri mengharapkan mereka memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Isu pengangguran di Malaysia ini mempunyai hubungan dengan kemahiran kebolehpasaran graduan (Norliana, Peng, & Mat Fauzi, 2016). Kemahiran kebolehpasaran merupakan kemahiran bukan teknikal yang sangat diperlukan oleh semua majikan (Hazrul, 2012). 80 peratus majikan-majikan di industri Malaysia meletakkan kemahiran kebolehpasaran sebagai syarat yang diutamakan kepada pekerja untuk diterima bekerja (Rosima, Mohd Izham & Nora, 2013). Hal yang sama dinyatakan oleh *National Association of College and Employers* (2018) iaitu majikan menjadikan kemahiran kebolehpasaran sebagai kriteria utama dalam pemilihan pekerja baharu. Majikan mengharapkan graduan yang diambil bekerja telah menguasai kemahiran kebolehpasaran seiring dengan keperluan industri yang diceburi (Mohd Yusof Husain, Seri Bunian, Abdul Aziz & Ramlee, 2010; Gurvinder Kaur, 2008; Zafir, Ishak & Abd Hair, 2015). Akan tetapi di dapati pelajar kolej vokasional dari Program Seni Kuliner mempunyai jumlah kompetensi kemahiran kebolehpasaran yang rendah dan ianya belum memenuhi hasrat majikan dalam industri hospitaliti (Nor Aziah, 2018).

Hal ini selari dengan laporan *The National Graduates Employability Blueprint* (2012-2017), majikan masih menghadapi masalah dengan kemahiran kebolehpasaran graduan seperti lemah dalam kemahiran berkomunikasi terutama dalam berbahasa

Inggeris (55.8%), kemahiran personel yang lemah dari aspek sikap dan personaliti (37.4%), tidak berkemahiran untuk menyelesaikan masalah (25.9%) dan ditambah pula dengan kecacatan ilmu pengetahuan (23.8%). Hal yang sama turut dihadapi majikan dalam bidang hospitaliti. Alhelalat (2015) menyatakan graduan hospitaliti kurang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran belajar, kemahiran teknologi, pengumpulan data dan analisis, kemahiran berbahasa serta kemahiran pengurusan dan kepimpinan untuk memenuhi piawaian industri bagi kemahiran graduan hospitaliti. Ketika menjalani *On Job Training* (OJT), pelajar bidang hospitaliti menghadapi kelemahan dalam penguasaan kemahiran kebolehpasaran semasa menjalani latihan industri seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran personel, kurang komitmen bekerja dan lemah dalam kemahiran kerja berpasukan Roseline Kok dan Wei Boon Quah (2017).

Beberapa kajian menunjukkan, pemerolehan kemahiran kebolehpasaran seseorang individu itu mempunyai hubungan dengan faktor motivasi, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah. Ali Tas, Abdullah, Veysel & Yusuf (2013) mengaitkan empat faktor kegagalan pelajar sekolah tinggi vokasional menamatkan pengajian di peringkat diploma iaitu faktor diri pelajar itu sendiri, ibu bapa, sekolah dan juga persekitaran. John & Caroline (2009) mendapati kemahiran kebolehpasaran iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran komunikasi mempunyai hubungan dengan motivasi pelajar. Kemahiran kebolehpasaran dapat dipertingkatkan apabila pelajar itu mempunyai motivasi yang tinggi (Zaharuddin, 2014).

Kajian Siti Paridah (2009) menunjukkan penglibatan dan sokongan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian. Untuk membina keyakinan diri dan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran, pelajar memerlukan sokongan persekitaran daripada ibu bapa (Teoh & Nur Afiqah, 2010). Penglibatan ibu bapa dilihat mampu memberikan kesan yang positif kepada pembelajaran anak-anak dan meningkatkan pencapaian dalam pelajaran hingga ke alam dewasa. Kajian Retmono (2014) menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam menerapkan disiplin belajar dan mematuhi peraturan –peraturan mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap dan prestasi pembelajaran pelajar. Para akademik turut mengakui bahawa pencapaian pelajar sangat dipengaruhi oleh tindakan ibu bapa yang melibatkan diri secara langsung dengan pembelajaran anak-anak (Wilder, 2014). Semakin tinggi penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak, semakin tinggi motivasi pelajar untuk mencapai matlamat sesuatu matlamat (Siti Aishah, 2015).

Kelemahan penguasaan kemahiran kebolehpasaran pelajar turut dikaitkan dengan faktor tenaga pengajar yang tidak jelas tentang keperluan kemahiran tersebut. Hal ini menyebabkan tenaga pengajar sukar menerapkannya dalam pengajaran teknikal (Zaliza, 2015). Masih terdapat pensyarah yang menghadapi kesukaran untuk mengintegrasikan kemahiran kebolehdapatan kerja ke dalam pengajaran amali (Techanamurthy, Alias & Dewitt, 2015), sedangkan proses memantapkan bidang pendidikan termasuklah bidang TVET yang memerlukan tenaga pengajar yang berkeyakinan, berkemahiran dan berwibawa untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan (Norhayati, Zuraidah & Sufean, 2017).

Dapat dirumuskan bahawa kegagalan graduan memperoleh pekerjaan adalah disebabkan faktor kelemahan graduan menguasai kemahiran kebolehpasaran yang tidak mencapai piawaian majikan di industri. Manakala kegagalan graduan untuk menguasai kemahiran kebolehpasaran disebabkan daripada pelbagai faktor seperti sikap individu, penglibatan ibu bapa sebagai pendorong pencapaian serta kompetensi pensyarah. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian berkenaan tahap kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir DVM seni kulinari kolej vokasional dan hubungannya dengan motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah. Pengkaji berpendapat keupayaan diri pelajar menguasai kemahiran kebolehpasaran boleh dipertingkatkan jika faktor-faktor seperti individu, ibu bapa dan kompetensi pensyarah diberikan perhatian.

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, pengkaji merasakan institusi pendidikan latihan teknikal dan vokasional perlu menekankan kemahiran kebolehpasaran agar seimbang dengan kemahiran teknikal sebagai nilai tambah graduan di pasaran kerja. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dalam mengenal pasti permasalahan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan graduan sehingga menjadi faktor penyumbang pengangguran di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.4.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi hubungan motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah terhadap kemahiran kebolehpasaran pelajar semester akhir Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional Semenanjung Malaysia.

1.4.2 Objektif Khusus

Manakala objektif khusus kajian ini adalah:

1. Mengetahui tahap kemahiran kebolehpasaran, tahap motivasi intrinsik, tahap penglibatan ibu bapa dan tahap kompetensi pensyarah dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia.
2. Mengetahui hubungan motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulinari Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia.

3. Mengenal pasti faktor peramal terbaik yang mempengaruhi kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
2. Apakah tahap motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
3. Apakah tahap penglibatan ibu bapa daripada persepsi pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
4. Apakah tahap kompetensi pensyarah daripada persepsi pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
5. Adakah terdapat hubungan antara motivasi intrinsik dengan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
6. Adakah terdapat hubungan antara sokongan ibu bapa dengan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
7. Adakah terdapat hubungan antara kompetensi tenaga pengajar dengan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?
8. Apakah faktor peramal terbaik yang mempengaruhi kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia?

1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Pelajar Diploma Seni Kulineri

Matlamat utama penubuhan KV adalah untuk melahirkan modal insan berkemahiran dalam bidang yang diceburi dan dapat menyumbang kepada produktiviti negara. BPLTV telah mensasarkan 70% graduan KV akan terus bekerja di industri selepas tamat pengajian. Sehubungan itu, pelajar perlulah menguasai kemahiran kebolehpasaran sebelum mereka menceburi bidang pekerjaan sebagaimana yang diperlukan oleh industri. Oleh itu, kajian terhadap kemahiran kebolehpasaran pelajar Diploma Seni Kulineri Kolej Vokasional perlu dilakukan sebelum mereka menjalani *On Job Training* (OJT) dan seterusnya bekerja di industri. Sehubungan itu, dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat kepada pelajar berkenaan elemen-elemen kemahiran kebolehpasaran yang dititikberatkan oleh majikan di industri dan secara tidak langsung pelajar dapat menguasai kemahiran tersebut.

1.6.2 Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Dapatan daripada kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat dan panduan kepada Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dalam usaha menambah baik kurikulum DVM dan juga modul kemahiran kebolehpasaran sedia ada agar dapat mempersiapkan diri graduan menjadi pekerja yang berkualiti dan berkemahiran. Malahan, melalui kajian ini juga dapat membantu BPLTV mengenal pasti cabaran-cabaran yang perlu ditangani dalam usaha mengarusperdanakan pendidikan vokasional serta mencari dan merancang kaedah yang terbaik untuk melatih pensyarah-pensyarah agar menjadi lebih kompeten seiring dengan perkembangan teknologi ke arah abad ke-21.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

1.7.1 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap penguasaan pelajar Program Seni Kulinari Kolej Vokasional terhadap elemen-elemen kemahiran kebolehpasaran yang telah diadaptasi daripada kajian *Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills* (SCANS, 1991) iaitu yang meliputi kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran sumber daya, kemahiran informasional, kemahiran interpersonal, kemahiran sistem dan teknologi dan kemahiran personal. Kajian ini turut melihat hubungan pemboleh ubah bersandar kajian iaitu kemahiran kebolehpasaran dengan pemboleh ubah bebas iaitu motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah menurut persepsi pelajar serta faktor peramal kepada kemahiran kebolehpasaran.

1.7.2 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Seni Kulinari di 16 buah Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia yang telah dikelompokkan kepada 4 zon iaitu Zon Selata, Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Pantai Timur.

1.8 Definisi Istilah

Definisi operasional adalah penjelasan berkenaan istilah yang diguna pakai oleh pengkaji untuk menghuraikan maksud sesuatu perkataan yang hanya bersesuaian dengan konteks kajian ini iaitu:

1.8.1 Kemahiran Kebolehpasaran

Definisi kemahiran kebolehpasaran menurut Yahya (2004) adalah suatu kemahiran dan kecekapan bukan teknikal yang dimiliki oleh seorang individu yang baru memulakan pekerjaan di industri dan kemahiran ini teal menjadi keutamaan kepada

majikan untuk memilih pekerja. SCANS (1993) pula berpendapat kemahiran kebolehpasaran yang mengandungi dua bahagian kemahiran iaitu kemahiran asas dan kompetensi kecekapan pekerja perlu ada dalam diri individu untuk mengukuhkan prestasi kerja mereka sebagaimana yang diterjemahkan dalam Model SCANS.

Dalam kajian ini kemahiran kebolehpasaran adalah merujuk kepada kebolehan dan kecekapan pelajar semester akhir DVM seni kulinari kolej vokasional mengaplikasikan elemen-elemen kemahiran kebolehpasaran yang diperkenalkan oleh SCANS (1993) sebelum mereka menjalani OJT dan seterusnya bekerja sehingga mereka dapat memenuhi keperluan majikan di dalam industri.

1.8.2 Motivasi Intrinsik

Menurut Deci dan Ryan (2002) motivasi intrinsik adalah satu kecenderungan untuk menghasilkan tugas dan mencapai cabaran yang diinginkan dengan bergantung kepada keupayaan individu itu sendiri tanpa wujudnya paksaan daripada orang lain. Motivasi seseorang itu boleh dilihat melalui empat dimensi iaitu minat atau keseronokan, persepsi pilihan, persepsi kecekapan dan tekanan atau ketegangan.

Maka, motivasi intrinsik dalam kajian ini merujuk kepada minat, keinginan dan keazaman yang lahir secara semula jadi dari dalam diri individu untuk melakukan tugas amali yang dapat mengintegrasikan kemahiran kebolehpasaran dan kualiti diri tanpa paksaan dari mana-mana pihak.

1.8.3 Penglibatan Ibu Bapa

Menurut Epstein (1992), penglibatan ibu bapa membawa maksud campur tangan dan sokongan ibu bapa secara aktif dalam pendidikan dan masa depan pelajar sama ada di sekolah mahupun di rumah. Komponen-komponen penting penglibatan ibu bapa merangkumi aspek keibubapaan, komunikasi, sukarelawan, pembelajaran di rumah, ibu bapa sebagai pembuat keputusan, komunikasi ibu bapa dengan sekolah serta kolaboratif antara komuniti dan sekolah. Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa dirujuk sebagai ibu bapa kandung atau penjaga yang sah kepada pelajar. Sehubungan itu, penglibatan ibu bapa yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada persepsi pelajar terhadap sejauh mana ibu bapa melibatkan diri memberikan sokongan kepada pendidikan pelajar sama ada di kolej mahupun di rumah.

1.8.4 Kompetensi Pensyarah

Menurut Mohamad Zaid, Mohd Khalil, Rosnee, Abdul Rashid, Ahmad Rizal & Mohd Yusop (2012) menyatakan kompetensi adalah gabungan pengetahuan, kemahiran, pemahaman dan sikap yang dipraktikkan serta ditunjukkan dalam bentuk tingkah laku apabila melakukan sesuatu tugas. Secara prinsipnya, model kompetensi

dalam pendidikan merujuk kepada prestasi kerja seorang pensyarah akan meningkat jika pensyarah itu telah menguasai semua kompetensi yang diperlukan dalam bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik.

Sehubungan itu, kompetensi pensyarah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kemampuan pensyarah mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang ada dalam dirinya secara kreatif dan profesional serta beradaptasi dengan komuniti dan personaliti untuk menjalankan tugas atau tanggungjawab semasa proses pengajaran di dalam kelas mahupun di luar bilik darjah.

1.9 Rumusan

Secara ringkas, bab ini memperihalkan latar belakang kajian sehingga membawa kepada pernyataan masalah. Sebanyak lapan persoalan kajian telah dibina pengkaji berdasarkan kepada tiga objektif kajian. Bab ini turut membincangkan tentang kepentingan kajian, skop dan batasan kajian serta definisi konseptual dan pengoperasian. Sorotan literatur akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya yang berkaitan dengan kemahiran kebolehpasaran, motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Bakar & Ivan Hanafi. (2007). Assessing employability skills of technical-vocational students in Malaysia. *Journal of Social Sciences*, 3(4), 202-207. DOI: 10.3844/jssp.2007.202.207
- Abd Hair Awang & Zafir Mohd Makhbul. (2011). The gap analysis of graduate employees work skills in Malaysia. *Proceedings of Bussiness and Information*, 8, 1729-9322.
- Abd Razak Zakaria, & Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1), 35-44.
- Abdul Halim Abdul Hamid. (2016). *Tahap kefahaman guru kolej vokasional terhadap elemen kurikulum standard kolej vokasional*. Tesis master, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Ahmad Lutfi Kandar. (2014). *Kemahiran Employability dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional kluang Johor*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Anuar, A., & Nelson, J. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2).
- Azizah, M. R., Ayu Nor, A. M., Hairol, A. M. D., Muhidin, M., Abu, Z. I., & Mohd Ehsan, A. S. (2013). Peranan persatuan ibu bapa dan guru (pibg) dan keberkesannya dalam sistem Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Selangor. *Jurnal PPPI*, 1(4).
- Azizi Yahaya & Norhashimah Ismail. (2011). Faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat aliran teknikal di tiga buah sekolah menengah teknik di Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2, 93-106.
- Abu Bakar Nordin. (1995). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar, & Lily Ting Hwa Li. (2010). Teaching competency testing among Malaysian school teachers. *European Journal of Social Sciences*, 12(4), 610-617.
- Adib, F. Z., & Norfazillah, J. T. (2013). Leadership and management skills among master in Technical and Vocational Education students to fulfill employer demand. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 4(1), 1306-1311.

- Agensi Kelayakan Malaysia. (2013). *Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan*. Retrieved from www.mqa.gov.my
- Ahmad, E., Jailani, M.Y., & Fadilah, M. A. H. (2011). The implementation of generic skills at skills at technical schools: Comperative analysis in different platform. *Journal of Techno-social*, 3(2), 29-40.
- Ahmad, E., Suhaili, P., & Asri, S. (2013). Kemahiran insaniah dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada program kejuruteraan di Politeknik Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3(2), 139-150.
- Ahmad, N. A. F. (2009). Cabaran dalam pendidikan latihan teknikal dan kerjaya (CTET) bagi menyokong kerjaya belia-belia dalam membuat keputusan. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik Dan Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Alhelalat, J. A. (2015). Hospitality and non-hospitality graduate skills between education and industry. *Journal of Business Studies Quarterly*, 6(4), 46.
- Ali Tas, Abdullah, S., Veysel, B., & Yusuf, D. (2013). Reason for dropout for vocational high school student's. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 13(3), 1561-1565.
- Amabile, T. M., Hill, K. G., Hennessey, B. A., & Tighe, E. M. (1994). The work preference inventory: Assesing intrinsic and extrinsic motivational orientations. *Journal of personality and social psychology*, 66, 950-967.
- Andi Ernawati, & Ahmad Johari Sihes. (2014). Aspek-aspek kompetensi holistik guru dalam pengajaran di sekolah menengah. *Proceedings of the 1st Academic Symposium on Integrating Knowledge*,(66-74). Universitas Islam Negeri Alauddin, Makassar.
- Anis, Z., & Nur Aisyah, M. N. A. (2017). Transformasi pendidikan teknik dan vokasional (PTV): Kesiediaan guru vokasional dalam pelaksanaan pengajaran kursus Seni Kulineri Kolej Vokasional. *Jurnal Family Edu*, 3(2).
- Anisa Saleha. (2015). Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anupama, B., & Minaketan, P. (2011). Perception of student teachers about teaching competencies. *American International Journal Contemporary Research*, 1(1), 77-81.
- Ari Indriani. (2016). Pengaruh motivasi belajar siswa kelas vokasional terhadap prestasi belajar matematika di Sd Negeri Bejirejo Kecamatan Kunduran Kabupaten Blora. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Matematika*, 4(2),134-139.

- Ary, D., Jacobs, L., Sorensen, C., & Walker, D. (2018). *Introduction research in education. 10th edition*. Belmont, CA: Cengage.
- Atan Long. (1998). *Psikologi Pendidikan. Edisi -3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan, N. F., Zakaria, M. A., & Sabidin, F. (2015). Tahap kesediaan kemahiran generik pelajar semester akhir diploma hotel dan catering: Kajian kes. *Tourism and Hospitality Essentials (THE) Journal*, 5(2), 947-954.
- Audu Rufai. (2014). Conceptual model for technical and employability skills of Nigerian mechanical engineering trades programme. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Ayu Lestari Azis. (2017). *Pengaruh motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik terhadap prestasi belajar Ekonomi Bisnis Kelas X peserta didik Kelas X Di Smkn 4 Makassar*. Tesis master, Universitas Negeri Makassar, Indonesia.
- Azizah, A. (2016). Pelaksanaan mata pelajaran kemahiran vokasional di kolej vokasional dalam kalangan guru-guru bukan opsyen kemahiran. Tesis master, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.
- Azizi, Y., & Norhashimah, I. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat aliran teknikal di tiga buah sekolah menengah di Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2 , 93-106.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum Kolej Vokasional. Employability Skills: Tahun 1 dan 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2016). Garis panduan pelaksanaan Penilaian Persijilan Kemahiran Malaysia untuk program kolej vokasional. Edisi 3. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2017). *Transformasi pendidikan Vokasional*. Retrieved from <http://www.bptv.edu.my/transformasi-pendidikan-vokasional>
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2018). Garis panduan pelaksanaan Kurikulum Core Abilities (CA2005) Tahap 3 dan Tahap 4 Diploma Vokasional Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2013). *Sarana Ibu Bapa*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*, 4, 1-103. <http://dx.doi.org/10.1037/h0030372>

- Beare, H. (2001), *Creating the Future School*. London: Routledge Falmer.
- Becker, G. S. (1964). *Human capital. A theory and empirical analysis, with special reference to education*. Columbia University. National Bureau of Economic Research New York.
- Boyatzis, R. E., & Taylor, S. N. (2000). "Developing emotional intelligence." *Development in emotional intelligence* 1-35.
- Busby, G. D., & Gibson, P. (2010). Tourism and hospitality internship experiences overseas: A British perspective. *Journal of Hospitality, Leisure, Sports and Tourism Education (Pre-2012)*, 9(1), 4-12.
- Canada, T. C. B. of. (2000). *Employability Skills 2000+*. Retrieved from <http://bit.ly/2hty7mW>
- Caño, K. J., Cape, M. G., Cardoso, J. M., Miot, C., Pitogo, G. R., Quinio, C. M., & Merin, J. (2016). Parental involvement on pupils' performance: Epstein's framework. *The Online Journal of New Horizons in Education*, 6(4), 143-150.
- Career Builder. (2018). The skills gap is costing bussiness dearly, according bussiness news daily. *Small Bussiness Solutions & Inspiration*. Retrieved from <https://www.businessnewsdaily.com/6038-skills-gaps-cost-companies-thousands.html>
- Catherine, R. (2016). *Skills issues, sources of skills issues, and policy responses in five aseanmember countries*. THF Literature review. Retrieved from https://www.headfoundation.org/papers/2016_-
- Cecilia, K. Y. C., Emily ,T. Y. F., Lillian, Y. Y. L., & Robbie, H. (2017). A review of literature on challenges in the development and implementation of generic competencies in higher education curriculum. *International Journal of Educational Development*, 57, 1-10.
- Chandra, S., Manoj, P., & Rohit, K. S. (2013). A literature review of motivation. *Glob Bus Perspect*, 1, 471-487.
- Chao, C., Huang, Y., & Wang, P. (2007). A study of the teacher quality index of professional teachers at vocational industrial high schools in Taiwan. *World transactions on engineering and technology education*, 6(2), 327.
- Chavan, R. R., & Surve, A.Y. (2014). Assessing parameters of employability skills: an employers' perspective. *Asian Journal Of Management Research*, 5 (2), 254-259.
- Che, R. R., Malik, S., Zaliza, H., Suriani, M., Mohd, A. H., & Shafeeqa, S. (2017). Skills and knowledge competency of technical and vocational education and training graduate. *Asian Social Science*, 13(4), 69-77.

- Chi, C. G., & Gursoy, D. (2009). How to help your graduates secure better jobs? An industry perspective. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 21(3), 308-322.
- Chuang, N.-K., Goh, B. K., Stout, B. L., & Dellmann-Jenkins, M. (2007). Hospitality undergraduate students' career choices and factors influencing commitment to the profession. *Journal of Hospitality and Tourism Education*, 19(4), 28-37.
- Cobb, E. J., Meixelsperger, J., & Seitz, K. K. (2015). Beyond the classroom: Fostering soft skills in pre-professional LIS organizations. *Journal of Library Administration*, 55(2), 114-120.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling Techniques (3rd Ed)*. New York: John Willey & Sons.
- Cohen, J. W. (1988). *Statistical power analysis for behavioral sciences ((2nd Ed)*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cole, D., & Tibby, M. (2013). *Defining and developing your approach to employability: A framework for higher education institutions*. Heslington: The Higher Education Academy.
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Research design qualitative, quantitative and mixed method approaches (5th Ed.). London: Sage Publication.
- Crow & Crow. (1983). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Culpin, V., & Scott, H. (2011). The effectiveness of a live case study approach: Increasing knowledge and understanding of “hard” versus “soft” skills in executive education. *Management Learning*, 43(5), 565-577.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self determination in human behavior*. New York: Plenum.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). The general causality orientations scale: Self-determination in personality. *Journal of research in personality*, 19(2), 109-134.
- Dede, I. A., & Suparmin, S. (2014). Kontribusi motivasi berprestasi dan kreativitas belajar terhadap hasil belajar memperbaiki sistem suspensi pada siswa program keahlian teknik kendaraan ringan Smk Bhara Trikora Ii Paguyangan Brebes tahun ajaran 2014/2015. *Jurnal Taman Vokasi*, 2(2).

- Deni Suhandani & Julia. (2014). Identifikasi Kompetensi Guru Sebagai Cerminan Profesionalisme Tenaga Pendidik di Kabupaten Sumedang (Kajian Pada Kompetensi Pedagogik). *Elementary School Teacher education Program Universitas Pendidikan Indonesia*, 1(2), 128-141.
- Dev, D. C. (1997). Intrinsic motivation and academic achievement. What does their relationship imply for the classroom teacher?. *Remedial and Special education*, 18(10), 12-19.
- Di Gropello Emanuela. (2010). *Skills for the Labor Market in the Philippines*. The World Bank. Library. <http://doi.org/10.1596/978-0-8213-8614-9>
- Dian, H. M. I., & Mohd Zaidi, M. (2016). *Prospek dan dasar. Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan pertimbangan dasar. Laporan Tahunan*. 109-117. Retrieved from <http://www.bnm.gov.my/files/publication/>
- Doug, C., & Maureen, T. (2013). *Defining and developing your approach to employability: A framework for higher education institutions*. York: HEA.
- Drayson, R., Bone, E., Agombar, J., & Kemp, S. (2015). *Student attitudes towards, and skills for, sustainable development*. Retrieved from https://www.heacademy.ac.uk/sites/default/files/resources/student_attitudes_towards_and_skills_for_sustainable_development.pdf
- Eric, R., Serge, R., & Karim, N. (2016). Engineering graduates' skill sets in the MENA region: A gap analysis of industry expectations and satisfaction. *European Journal of Engineering Education*, 41(1), 34-52.
- Erni Tanius. (2018). Employability skills-a study on the perception of bussiness students graduate and employers in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Research in Business Management*, 9(1).
- Epstein, J. L. (1987). Toward a theory of family-school connections: Teacher practices and parent involvement. *Social intervention: Potential and constraints*, 121-136.
- Epstein, J. L., Sanders, M. G., Simon, B. S., Salinas, K. C., Jansorn, N. R., & Van Voorhis, F. L. (2002). *School, family, and community partnerships: Your handbook for action (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA, US: Corwin Press.
- Epstein, J. L. (1992). *School and Family Partnerships, Report No.6*. Center on Families, Communities, Schools & Children's Learning: John Hopkins University, Baltimore.
- Eza, M., Salina, M. S., & Azman, H. (2015). Instrumen kemahiran employability pelajar Diploma Teknologi Perindustrian Computer Rangkaian di ILJTM. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2), 28-34.

- Fagerlind, A., & Saha, L. J. (1997). *Education and national developments*. New Delhi: Reed Education and Professional Publishing Ltd.
- Fan, X., & Chen, M. (2001). Parental involvement and students' academic achievement: A meta-analysis. *Educational psychology review*, 13(1), 1-22.
- Faridah, M. J., Widad, O., Hairul, N. I., & Zainudin, I. (2014). Isu dan cabaran pelaksanaan pendidikan asas vokasional (PAV) di sekolah menengah harian, Malaysia. *Profesional Development in Education*, 98-106.
- Fatima Suleman. (2016). Employability skills of higher education graduates: Little consensus on a much-discussed subject. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 228, 169-174.
- Fatin, A. P., Mohd. Salleh, A., Mohammad Bilal, A., & Salmiza, S. (2014). Faktor penyumbang kepada kemerosotan pelajar dalam aliran sains: Satu analisis sorotan tesis. *Sains Humanika*, 2(4), 63-71.
- Ferrer-Caja, E., & Weiss, M. R. (2002). Cross-validation of a model of intrinsic motivation with students enrolled in high school elective courses. *The Journal of Experimental Education*, 71(1), 41-65.
- Fitrihara Kazilan. (2008). Kemahiran Employability dalam Kalangan Pelajar Institusi Kemahiran Mara di Malaysia. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research In education (8th ed.)*. New York: Mc Graw Hill.
- Frantz, A., & Ashutosh, M. (2016). Identification of generic skills for human resources in hospitality: A literature review. *Journal for Contemporary Research in Management*, 36-41.
- Gay, L., Mills, G. & Airasian, P. (2006) *Educational research competencies for analysis and applications*. 8th ed. New Jersey, Pearson.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Gliner, J. A., Morgan, J. A., & Leech, N. L. (2017). *Research Methods in Applied Settings: An Integrated Approach to Design and Analysis (3rd ed.)*. Routledge.
- Gravetter, F. J., & Wallnau, L. B. (2014). *Statistics for the Behavioral sciences (10 Ed.)*. Canada: Cengage Learning.
- Gurvinder, K. G. S., & Sharan, K. G. S. (2008), Malaysian graduates' employability skills. *UNITAR e-journal*, 4(1), 15-45.

- Guthrie, J. T., Hoa, L. W., Wigfield, A., Tonks, S. M., & Perencevich, K. C. (2005). From spark to fire: Can situational reading interest lead to long-term reading motivation?. *Literacy Research and Instruction*, 45(2), 91-117.
- Gonzalez, A., Doan H. M. & Quilter, S. (2002). High school students' goal orientations and their relationship to perceived parenting styles. *Contemporary Educational Psychology*, 27, 450-470.
- Gonzalez-DeHass, A., Willems, P., & Doan Holbein, M. (2005). Examining the relationship between parental involvement and student motivation. *Educational psychology review*, 17(2), 99-123.
- Gysbers, N. C. (2013). Career-ready Students: A goal of comprehensive school counseling programs. *The Career Development Quarterly*, 61, 283-288.
- Halimah Abdul Majid, Eow Yee Leng, & Chuah Beng Ean. (2017). *Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memperkasakan sekolah*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/319794654>
- Hamdan, A. R., Ghafar, M. N., & Ting, L. H. L. (2010). Teaching competency testing among Malaysian school teachers. *European Journal of Social Sciences*, 12(4), 610-617.
- Hanis, N. S., Ku Fatahiyah, K. A., Wazzainab, I., Farah, N. R. R., & Norafidah, G. (2019). Tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Persidangan KUIS, Selangor, Malaysia*.
- Hanum, H., Razli, A., & Lt, Kol. (B) Azuddin Bahari. (2016). *Kemahiran insaniah dan kepentingan penerapannya dalam program Baktisiswa Perdana UniMAP*. Retrieved from <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/>
- Hee, J. M. & Siti Liyana Mohamad Yusuff. (2011). Hubungan Antara Tahap Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia. *Journal of Science & Mathematics Education*. 1-11.
- Hesham Ibrahim. Mfadi. (2001). A needs assesment of the professional competencies of Jordanian vocational secondary teachers. PhD Thesis, University of Nebraska, Lincoln, USA.
- Hossain, M. I., Yagamaran, K. S. A., Afrin, T., Limon, N., Nasiruzzaman, M., & Karim, A. M. (2018). Factors influencing unemployment among fresh graduates: A case study in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 1494-1507.
- Howard Family Research Project. (2007). Family involvement makes a difference: Evidence that family involvement promotes school success for every child of every age. *Howard Graduate School of Education*, 3, 1-12.

- ILO. (2016). *World Employment and Social Outlook: Youth*.
- ILO. (2019). Unemployment, youth total (% of total labor force ages 15-24) (modeled ILO estimate). *International Labour Organization, ILOSTAT database*. Data retrieved in 9 Juli 2019.
- Irma Yanti, M., Norlizah, C. H., & Fathiyah, M. F. (2018). Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah Dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid Sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 5(1), 42-62.
- Irwan, F. S., Mohd Mahzan, A., & Abdul Razaq, A. (2018). Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI*, 1(1), 67-76. DOI:org/10.17576/JPEN-2018-43.03-08
- Ismail Jusoh. (2012). *Quality of Education in Human Capital*. HALUAN, Malaysia.
- Izzo, C. V., Weissberg, R. P., Kaspro, W. J., & Fendrich, M. (1999). A longitudinal assessment of teacher perceptions of parent involvement in children's education and school performance. *American Journal of Community Psychology*, 27(6), 817-839.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Statistik utama tenaga buruh di Malaysia*. Kuala Lumpur. Retrieved from <https://www.dosm.gov.my>
- Jackson, D. (2012). Testing a model of undergraduate competence in employability skills and its implications for stakeholder. *Journal of education and work*, 27(2), 220-242.
- Jacquelyn, P. R. (2000). What are employability skills? *Alabama cooperative extension system*, 1(3).
- Jailani, M. Y., Sern, L. C., Kiong, T. T., & Nor Hidayah, H. (2016). The issues and challenges of vocational teacher education program. *Proceedings of the 1st Annual International Seminar on Transformative Education and Educational Leadership (AISTEEL)*, 7-14.
- James J. Heckman & Pedro Manuel Carneiro. (2003). Human Capital Policy. IZA Discussion Paper No. 821. Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=434544>
- Jebril, A. Alhelalat. (2015). Hospitality and non-hospitality graduate skills between education and industry. *Journal of Business Studies Quarterly*, 6(4), 46-55.
- Jennifer, G. (2004). Generic skills in vocational education and training, Research readings. *National Centre for Vocational Education Research (NCVER)*.

- Jennifer, W. B. N., Sharifah, M. N., Zakaria, K., & Foo, S. F. (2001). Models of School Family Partnerships: The Malaysian Context. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 9(1), 35-47.
- Jennifer, K. L. C. (2011). Enhancing the employability of and level of soft skills within tourism and hospitality graduates in Malaysia: The Issues and Challenges. *Journal of Tourism*, 12(1).
- Jeynes, W. H. (2011). Helping families by fostering: Parental involvement. *Phi Delta Kappan*, 93(3), 38-39. Retrieved from <https://journals.sagepub.com/>
- John K. Ruggut & Caroline Chemosit (2009). What motivates students to learn? Contribution of student to student relations, Student faculty interaction and critical thinking skills. Universiti Illinois.
- John Fantuzzo, Marlo, A. P., & Pellin Munis. (2002). *Manual Family Involvement Questionnaire (FIQ)*. University of Pennsylvania: Philadelphia.
- Joseph, L. L. (2012). *The impact of family influence and involvement on career development*. PhD Thesis, University of Central Florida. Retrieved from <http://stars.library.ucf.edu/etd/2210>
- Jovina, D., Ab. Rahim, B., & Shamsiah, M. (2014). Factors influencing the acquisition of employability skills by students of selected technical secondary school in Malaysia. *International Education Studies*, 7(2), 1913-9020.
- Kahiroh, M. S., Nur Izyan, S., Nor Lisa, S., & Azmi, A. L. (2016). Generic skills of technical undergraduates and industrial employers perceptions in Malaysia. *IJABER*, 14(14), 907-919.
- Kamaruddin Md Tahir. (2010). Penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis PhD: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kapranos, P. (2014). Teaching transferable skills to doctoral level engineers: The challenge and the solutions. *Open Journal of Social Sciences*, 2(5), 66.
